

Jangan biarkan rakyat Malaysia buta sejarah

UM - 27/7/2006

NILAI sejarah sebenarnya terlalu rendah di hati kebanyakan individu di negara ini. Banyak sebab mengapa aspek sejarah terutamanya sejarah negara tidak dihayati oleh setiap rakyat Malaysia. Istilah 'buta sejarah' seperti yang dipertakakan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim minggu lepas amat tepat sekali di kala negara bakal menyambut ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara tahun depan.

Akibat lupa dan leka tentang sejarah bangsa, orang Melayu kini merasakan mereka sudah selesa sehinggakan orang lain boleh mempertikaikan hak kita sebagai bumiputera. Ramai yang lupa sejarah, akibat terlalu leka dan bersikap sambil lewa kerana memikirkan sudah kuat, Melaka tumpas di tangan Portugis.

Akibat lupa dan kurang menghayati sejarah agama Islam, ramai yang ambil mudah dan mula jauh daripada menyembah Allah. Kita lupa sejarah kejatuhan Islam di Sepanyol dan hampir pupusnya etnik Bosnia beragama Islam. Semuanya itu kerana terlalu alpa dan merasakan kedudukan selesa sehinggakan di negara kita sekarang orang bukan Islam sudah boleh berdebat dan mempertikaikan agama Islam sebagai agama rasmi negara. Tiada pengetahuan dan ambil peduli tentang sejarahnya yang mengakibatkan pihak lain boleh mengambil kesempatan.

Di Indonesia contohnya, sesuatu yang bukan luar biasa apabila kanak-kanak sekolah rendah boleh bercerita bagaimana negara mereka merdeka dan apa yang dimaksudkan dengan Pancasila. Jati diri mereka begitu tinggi sehinggakan penjual jamu di kaki lima boleh bercerita bagaimana Belanda memerintah Indonesia suatu ketika dahulu.

Sejarah telah diklasifikasikan oleh sebahagian besar rakyat Malaysia sebagai tidak penting dan tidak bernilai. Disebabkan mentaliti sebegini, ramai di antara kita tidak dapat menceritakan sejarah dan susun galur salasilah keluarga sendiri. Paling tinggi pun mengetahui sedikit sebanyak latar belakang datuk mereka. Malah ada yang tidak tahu nama moyang sendiri apatah lagi mengetahui asal-usul keturunannya.

Disebabkan mentaliti 'benci' kepada sejarah sudah meresap sejak di bangku sekolah lagi, maka kini ramailah yang buta sejarah negara, bangsa, agama malah sejarah diri sendiri. Mereka ini meleakkan sejarah sebagai sesuatu yang paling tidak penting dalam hidup mereka. Sedangkan melalui aspek sejarahnya kita dapat mengenal diri kita sendiri dan menganalisis tingkah laku dan gelagat diri sendiri.

Semua pihak harus mengembalikan nilai dan minat terhadap sejarah. Persatuan sejarah yang telah wujud di setiap negeri perlulah diperkasakan dan diberi

nafas baru. Ramai yang tidak tahu tentang kewujudannya dan jika ada yang tahu pun masih kabur tentang fungsi dan aktiviti. Malah kepada yang minat dengan sejarah pun tidak tahu bagaimana untuk menjadi ahli.

Pihak yang bertanggungjawab dengan sejarah perlulah mengambil iktibar bahawa nilai dan aspek sejarah di hati dan jiwa rakyat Malaysia masih rendah. Daya usaha perlu dilakukan untuk mengembalikan aspek sejarah sebagai sesuatu yang diminati dan menarik minat semua golongan.

Dicadangkan pakej pelancongan melawat tempat sejarah bersama keluarga dipromosikan secara besar-besaran. Selain persatuan sejarah yang perlu 'dipulihkan semangatnya', Kementerian perlu mewujudkan "Rakan Sejarah" untuk menarik minat semua peringkat usia.

Aktiviti yang menarik dan ceria mengenai sejarah juga perlu dilaksanakan supaya orang ramai melihat sejarah sesuatu yang menarik untuk dikenali.

Juga boleh diadakan wacana sejarah dengan penceritaan dan pengisahan sesuatu topik secara bersahaja dan tidak terlalu menekankan ilmiah dan akademik. Gaya penyampaian sama ada melalui saluran televisyen dan radio serta penulisan yang menarik di akhbar boleh menyuntik minat orang ramai kepada sejarah.

Mewujudkan unit dokumentasi sejar-

ah di setiap jabatan, agensi dan kementerian kerajaan boleh memupuk semangat menghargai dan menyanjung tinggi aspek sejarah. Jabatan kerajaan yang telah wujud sekian lama, boleh menyimpan dan merekodkan peristiwa menarik sesuatu jabatan kerajaan sebagai pedoman, rujukan dan menghargai sejarah itu sendiri.

Apabila pihak kerajaan mula serius melaksanakan langkah-langkah ini, maka bolehlah dikempenkan kepada orang ramai dan pihak swasta untuk menghargai dan menyanjung aspek sejarah dalam kehidupan seharian. Konsep kerajaan menunjukkan teladan sebelum ia menjadi ikutan akan menyuntik semangat baru menghargai apa itu sejarah.

Kepada pertubuhan bukan kerajaan yang kononnya pejuang hak asasi sesuatu kaum, eloklah menghampirkan diri anda kepada orang ramai untuk sama-sama menanam semangat ambil tahu sejarah dan tingkatkan jati diri sebagai warga Malaysia daripada hanya sibuk menjadi jaguh 'isu perkauman dan agama'. Mereka sepatutnya mengekalkan dan memupuk semangat toleransi antara kaum, dan bukannya memecahbelahkan keharmonian yang ada kini. Salah satu caranya ialah dengan menghargai sejarah.

- **SHAIFUL BAHRI SAIDIN,**
Sekinchan, Selangor.